

Penggunaan Bahasa Rungus dalam Kalangan Generasi Baru
(Remaja) Masyarakat Rungus di Matunggong, Sabah
*The use of Rungus Language among the New Generation
(Youth) of Rungus in Matunggong, Sabah*

Open
Access

Romzi Ationg^{1,*}, Andreas Totu¹, Chelster S. Pudin¹, Raymond Majumah²

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

² Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Article history:

Received 5 June 2018

Received in revised form 2 August 2018

Accepted 12 August 2018

Available online 19 August 2018

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak berkuasa untuk memastikan pemodenan berlaku dalam kalangan suku kaum Rungus di Sabah, khususnya di Matunggong. Walau bagaimanapun segala proses atau usaha memodenkan kaum Rungus di Matunggong yang dilakukan ini pula membawa impak negatif kepada penggunaan bahasa ibunda. Kajian ini menumpukan perhatian terperinci mengenai fenomena semasa iaitu berkurangnya penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus itu sendiri. Kajian ini juga bertujuan mengetahui tahap penggunaan bahasa, kesan yang dialami sekiranya fenomena ini dibiarkan berterusan serta faktor-faktor penyebab fenomena ini. Maklumat kajian ini dikumpul menggunakan pendekatan 'mixed-method. Melalui analisis terhadap maklumat yang diperolehi, adalah didapati bahawa sememangnya fenomena kelesuan dalam penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi baru etnik Rungus di Matunggong, Sabah, Malaysia berlaku. Ini menyebabkan etnik Rungus berhadapan kemungkinan mengalami masalah kepupusan bahasa ibunda. Modernisasi dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada fenomena ini, khususnya penggunaan meluas bahasa kebangsaan dan antarabangsa bagi tujuan pemodenan, persepsi negatif terhadap bahasa ibunda sendiri, perkahwinan campur dan peranan ibu bapa, migrasi, peranan rakan sebaya dan lain-lain faktor modenisasi. Sehubungan itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi mengelak fenomena kelesuan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi baru etnik Rungus ini daripada berterusan.

Various efforts have been made by authorities to ensure modernization occurs among Rungus tribes in Sabah, particularly in Matunggong. However, the efforts to modernize the Rungus tribe in Matunggong have made a negative impact on the use of native language. This study focuses on the current phenomenon, namely the decreasing use of Rungus language among the new generation of Rungus ethnic itself. This study also aims to find out the level of the language used, the effects of this phenomenon if and the factors of this phenomena. The data of this study are collected using a mixed-method approach. Through the analysis of the data obtained, it is found that the lethargy phenomenon has happened among the new generation of Rungus ethnic in Matunggong. This has led the Rungus Ethnic to face the possibility of their native language to become extinct. Modernisation is identified as the main factor contributing to this phenomenon, particularly the widespread use of national and

* Corresponding author.

E-mail address: mrationg@ums.edu.my (Romzi Ationg)

international languages for modernisation purposes, the negative perceptions of their own native language, intermarriage, parental and peer roles and other modernisation factors. In accordance, some suggestions were raised to avoid the lethargy phenomenon by using the native language among the new generation of Rungus ethnic from happening.

Keywords:

Bahasa Rungus, remaja, modenisasi,
Matunggong

*Rungus language, modernisation, youth,
Matunggong*

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Pemodenan yang berlaku di kalangan etnik Rungus di Sabah, khususnya di Matunggong sudah semestinya merupakan matlamat yang semakin tercapai seiring dengan usaha pelbagai pihak berwajib merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan. Namun demikian, modenisasi yang semata mata merujuk kepada proses menuju ke arah sesuatu yang baru biasanya sering mendatangkan masalah yang berkaitan dengan pengekalan budaya suatu kaum. Modenisasi dalam hal ini merupakan proses pemodenan dan perubahan yang cuba dilakukan oleh etnik tertentu terhadap aspek berkaitan ekonomi, teknologi, pelbagai bidang ilmu pengetahuan, cara berfikir, sikap dan sebagainya [1]. Dalam masa yang sama proses modenisasi dalam bentuk perubahan-perubahan yang seharusnya dilakukan terhadap sesuatu kefahaman agama juga turut diterima dan diamalkan sesuai dengan latar belakang dan keadaan persekitaran sesuatu masyarakat.

Proses pemodenan ini biasanya mampu melahirkan golongan generasi pelapis bagi suatu masyarakat yang mempunyai kehidupan moden dalam pelbagai aspek yang meliputi ekonomi, sosial, kerohanian dan kejiwaan. Matlamat seumpama ini seringkali ditafsir sebagai proses perubahan wajar berlaku secara berterusan dengan alasan kerana kehidupan ini adalah merupakan proses yang berterusan. Sebagaimana menurut Kitingan [2] pemodenan atau juga perubahan merupakan suatu proses yang berterusan. Berdasarkan hal ini, maka agenda modenisasi di kalangan etnik Rungus di Matunggong yang menumpukan kepada aspek ekonomi, ilmu pengetahuan, perubahan sikap, pembangunan teknologi dan kehidupan keseluruhan haruslah dilihat sebagai sesuatu yang wajar berlaku dalam era pasca-moden ini.

Walau bagaimanapun proses atau usaha memodenkan etnik Rungus di Matunggong yang dilakukan ini pula membawa impak negatif kepada penggunaan bahasa ibunda yang mana ini mungkin berlaku secara tidak disengajakan. Impak negatif yang cuba ditonjolkan sebagai masalah yang wajar ditangani bagi membolehkan etnik Rungus masih kekal dengan identiti bangsa mereka ialah fenomena di mana berkurangnya generasi baru dari etnik ini yang fasih atau boleh bertutur dalam bahasa ibunda mereka sendiri dengan baik iaitu bahasa Rungus. Masalah penggunaan bahasa yang semakin berkurangan ini sudah pastinya merupakan ancaman kepada usaha murni ke-arah pengekalan budaya tradisi etnik Rungus yang mana ini digambarkan oleh bahasa Rungus itu sendiri. Masalah ini sesungguhnya pasti akan menjadi lebih kritikal sekiranya semua pihak yang terlibat tidak mempunyai komitmen yang sewajarnya terhadap usaha memodenkan suku kaum mereka yang mana masih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pertuturan dalam kalangan mereka. Tambahan pula usaha memodenisasikan sesuatu kaum yang masih mengekalkan bahasa ibunda sebagai bahasa warisan mereka itu bukanlah suatu perkara yang begitu mudah untuk dilaksanakan.

Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada usaha mengenalpasti tahap penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan remaja Rungus dan juga perbincangan awal tentang masalah-masalah yang mungkin wujud sebagai akibat daripada kelesuan dalam penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi

muda etnik Rungus itu sendiri. Selain itu, perbincangan terhadap faktor-faktor yang dianggap sebagai penyebab kepada fenomena ini juga diketengahkan. Akhir sekali, beberapa cadangan untuk mengelakkan pupusnya bahasa Rungus di Sabah, khususnya di Matunggong turut diketengahkan.

2. Pelesuan Penggunaan Bahasa Ibunda Etnik Rungus

Sejak Sabah merdeka, seterusnya bergabung dengan Tanah Melayu dan Sarawak untuk gagasan Malaysia, penggunaan bahasa ibunda khususnya bahasa Rungus bolehlah dianggap sebagai semakin tidak popular dalam kalangan penduduk pribumi di Sabah. Fenomena ini dianggap sebagai impak kepada proses pemodenan yang berperanan mengubah persepsi etnik pribumi terhadap taraf bahasa ibunda serta peranan mereka dalam usaha memartabatkan budaya tradisi sendiri. Perkara ini sudah semestinya suatu proses yang tidak mengambilkira usaha pemeliharaan budaya sesuatu kaum itu sendiri. Tambahan pula sifat sesuatu masyarakat itu sememangnya sentiasa berubah. Sebagaimana menurut Burch, Rickson dan Annel [3], Cancian [4], Carleheden & Jacobson [5] dan Sallabank [6] sesuatu masyarakat itu pastinya mengalami perubahan sama ada ia bersifat baik mahupun sebaliknya. Dalam hal ini, sudah semestinya usaha pemodenan yang dilaksanakan mampu menjadi penyebab utama kepada masalah penguasaan bahasa ibunda khususnya bahasa Rungus yang semakin lemah. Oleh itu, kebimbangan terhadap potensi bahasa Rungus untuk semakin dilupai perlulah dijadikan asas perbincangan bagi membolehkan pelbagai daya usaha berkaitan dilakukan.

Parasin [7] dan Thien [8] antara lain menjelaskan bahawa sememangnya penguasaan bahasa Rungus di kalangan generasi baru etnik Rungus itu sendiri semakin menjadi lemah. Perkara ini berlaku disebabkan kerakusan etnik itu sendiri terhadap proses pemodenan yang menjurus kepada penggunaan bahasa asing dan sikap masyarakat setempat secara amnya. Pelesuan penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus dalam kehidupan kontemporari dikenalpasti sebagai antara isu yang tidak wajar diketepikan dan dipandang enteng atau mudah. Setiap golongan yang menganggap dirinya sebagai pencinta pembangunan dan budaya perlulah menjadikan masalah ini sebagai agenda penting yang perlu diperjuangkan. Sekurang-kurangnya mereka memberikan buah fikiran yang bernas ke arah menyelesaikan masalah ini tanpa terlibat secara aktif sekiranya memilih sikap sedemikian. Justeru itu, berdasarkan kepada maklumat umum tentang peminggiran penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus itu sendiri maka adalah perlu dilakukan kajian yang mendalam tentang masalah ini. Ini seterusnya mengambilkira faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada masalah ini.

Menyedari hakikat ini maka objektif am kajian ini ialah bagi mengetahui sama ada berlaku peminggiran penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus itu sendiri. Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru kaum Rungus dan juga bertujuan mengenalpasti faktor-faktor penting yang menyumbang kepada fenomena ini.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan 'mixed-method' berikutan keperluan mendapatkan maklumat kuantitatif dan kualitatif berkenaan fenomena kelesuan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda etnik Rungus itu sendiri. Pendekatan seumpama ini dilakukan kerana ianya membolehkan usaha mengetahui suatu fenomena yang sedang dikaji secara lebih mendalam [9, 10, 11]. Dalam pada itu, maklumat kuantitatif kajian ini diperolehi melalui penggunaan satu set borang soal selidik yang dibentuk sendiri oleh penyelidik. Borang soal selidik ini dijawab oleh responden dengan dibantu oleh penyelidik sendiri ekoran keperluan penyelidik bersemuka dengan responden

untuk memastikan responden terpilih menjawab borang soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian A: Latar Belakang Rseponden; Bahagian B: Penguasaan Bahasa; dan Bahagian C: Faktor Penyebab Kelesuan Penggunaan Bahasa Ibunda.

Segala maklumat yang dikumpul menggunakan borang soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences). Dalam pada itu, terdapat seramai 120 orang remaja berumur diantara 12 hingga 23 tahun dipilih sebagai responden kajian. Daripada jumlah besar itu seramai 60 orang adalah lelaki dan 60 yang selebihnya adalah perempuan.

Sementara bagi tujuan mendapatkan maklumat kualitatif, temuduga secara khusus dengan 10 orang responden terpilih dari sejumlah 120 orang responden yang dikehendaki untuk menjawab borang soal selidik telah dijalankan. Temubual di antara penyelidik dengan responden dilakukan pada waktu petang yakni pada pukul 3.00 petang hingga 6.00 petang. Selain itu, hari yang dipilih ialah pada Sabtu dan Ahad setiap minggu. Waktu ini dipilih setelah masa lapang dan kesesuaian masa untuk menemubual remaja diambilkira. Temubual dijalankan dengan berlandaskan prinsip sukarela yakni responden terpoilih diberi kebebasan untuk menarik diri dari sesi temubual atau hanya menjawab sebahagian dari soalan yang dikemukakan sekiranya mereka tidak berminat untuk memberikan jawapan mereka. Selain itu, responden untuk sesi temubual juga dijalankan berdasarkan aplikasi prinsip kerashiaan yakni maklumat peribadi responden adalah dijamin rasia dan hanya digunakan untuk kajian ini.

4. Dapatan Kajian/Keputusan

Berdasarkan analisis maklumat kajian yang diperolehi maka berikut merupakan hasil kajian yang diperolehi;

4.1 Latar Belakang Responden

Sebagaimana yang ditetapkan, responden kajian adalah berjumlah 120 orang dengan 50 peratus adalah lelaki dan yang selebihnya adalah perempuan. Median umur responden yang diperolehi adalah 18 tahun.

Jadual 1

Maklumat Latar Belakang Responden

Perkara		Bilangan (orang)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	60	50.0
	Perempuan	60	50.0
Umur	12 – 15 tahun	45	37.5
	16 – 23 tahun	75	62.5
Pendidikan	< SRP/PMR	72	60.0
	SPM/SPMV	24	20.0
	Dip./Ijazah	12	10.0
Pekerjaan	Pelajar	90	75.0
	Kerajaan	30	25.0
	Swasta		
	Menganggur		
Lain-Lain Pekerjaan			

Sementara itu dari segi taraf pendidikan tertinggi yang dicapai pula adalah didapati bahawa 60 peratus daripada responden berkelulusan setakat tingkatan tiga (Penilaian Menengah Rendah), 20 peratus berpendidikan setakat tingkatan lima (Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional) dan yang selebihnya (10%) merupakan pemegang Diploma ataupun Ijazah Pertama dari

Institut Pengajian Tinggi awam/swasta. Dari segi pekerjaan pula adalah didapati bahawa sejumlah 75 peratus daripada jumlah responden merupakan pelajar dan yang selebihnya (25 %) bekerja dengan kerajaan, swasta, penganggur atau pun lain-lain pekerjaan (rujuk Jadual 1).

Bagi tujuan mendapatkan maklumat kualitatif menggunakan kaedah temubual berfokus pula, 10 orang remaja dari kesemua responden yang dipilih bagi menjawab soal selidik dikenalpasti. Daripada jumlah tersebut, 5 orang (50%) adalah lelaki dan 5 orang (50%) adalah perempuan. Dari umur, 4 orang (40%) berumur diantara 12 hingga 15 tahun dan 6 orang (60%) berumur diantara 16 hingga 23 tahun. Majoriti (8 orang atau 80%) berpendidikan setakat SPM/SPMV, 1 orang (1%) berpendidikan setakat SRP/PMR dan 1 orang (1%) memiliki Diploma. Selain itu, dari segi pekerjaan 7 orang (70%) masih belajar dan 3 orang (30%) bekerja sendiri atau menganggur.

4.2 Penguasaan Bahasa Ibunda (Rungus)

Adalah didapati bahawa fenomena kelesuan penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus sememangnya didapati berlaku dan semakin amat sukar dibendung. Ini dibuktikan oleh hasil analisis data yang diperolehi menggunakan instrumen kajian yang dibentuk. Didapati bahawa secara keseluruhannya 30.0 peratus daripada jumlah responden lemah tahap penguasaan bahasa ibundanya, 50.0 peratus sederhana dan 20.0 peratus adalah baik (rujuk Jadual 2). Ini bermakna sememangnya fenomena kelesuan penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus itu sendiri sedang berlaku.

Jadual 2

Penguasaan Bahasa Ibunda di Kalangan Generasi Baru (Rungus)

Tahap Penguasaan Bahasa Rungus	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Lemah	36	30.0
Sederhana	60	50.0
Baik	24	20.0

Dalam satu sesi temubual di antara penyelidik dengan 10 orang pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di Matunggong, penyelidik mendapati bahawa sememangnya fenomena kelesuan penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik ini sendiri sedang berlaku. Ini terbukti apabila hampir kesemua pelajar (8 orang) yang ditemubual tidak dapat menggunakan bahasa ibundanya sendiri walhal mereka merupakan baka tulen kepada ibu bapa yang berbangsa Rungus. Sekalipun penyelidik telah cuba mengajak mereka menggunakan bahasa ibunda namun mereka masih enggan berbuat demikian dan adakalanya tidak memahami apa yang sedang diperkatakan oleh penyelidik.

Terdapat keadaan di mana seseorang pelajar yang ditemubual masih boleh memahami apa yang diperkatakan oleh orang lain yang menggunakan bahasa Rungus tetapi tidak boleh menjawab dalam bahasa itu sendiri. Ini berikutan kelemahan mereka dalam menyusun ayat serta memilih perkataan yang bersesuaian dengan topik perbincangan. Mereka tetap cuba menggunakan bahasa lain tanpa melihat kepada situasi tersebut yang mana adalah sesuai untuk menggunakan bahasa Rungus dan bukannya menggunakan bahasa lain. Apabila diajukan soalan dalam bahasa Rungus mereka akan menjawab dalam bahasa Kebangsaan. Masalah yang timbul dalam hal ini ialah apabila bahasa yang mereka gunakan itu tidaklah mudah difahami memandangkan adanya unsur-unsur percampuran pelbagai bahasa yang tidak dapat dikenalpasti apakah bahasa tersebut. Antara perkataan dalam ayat perbualan mengelirukan yang digunakan ialah "Saya tidak *kaharati ba*", "*amu la ba*, si *Oyoi mungkin ba iri*", "*lain tantu mai kalau dia ini*" dan "*odoi, ino la baitu*". Penggunaan perkataan mengelirukan ini menyebabkan bahasa ibunda dan bahasa kebangsaan yang dipertuturkan menjadi bahasa yang sukar

difahami, suatu keadaan yang semestinya bukanlah kesan daripada modenisasi yang kita harapkan. Ini kerana fenomena ini menjadi gambaran kepada keadaan sebenar bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda etnik Rungus itu sendiri makin terhakis.

Selain itu, terdapat pula seorang responden yang ditemubual yang boleh menggunakan bahasa ibundanya dengan baik tetapi berpura-pura tidak berkeupayaan melakukannya. Responden yang dimaksudkan merupakan remaja yang telah berhijrah ke bandar besar Kota Kinabalu bagi tujuan pekerjaan. Beliau tidak lagi berminat menggunakan bahasa ibundanya sedangkan lawan bercakapnya ialah dari etnik Rungus atau dari latarbelakang etnik yang sama dengan beliau. Mereka sememangnya mengenali latar belakang antara satu dengan yang lain tetapi masih menggunakan bahasa lain dengan alasan bahasa ibunda mereka bukanlah bahasa yang boleh mereka banggakan. Mereka malu untuk mengakui diri mereka sebagai berbangsa Rungus sebagai tindak balas kepada sketsa kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Rungus yang dianggap kritikal di negara ini. Fenomena ini sesungguhnya amatlah menyedihkan sedangkan sesuatu bahasa itu hanya akan dapat dimartabatkan dan terus digunapakai dengan adanya komitmen di kalangan penutur asli bahasa tersebut. Sebagaimana menurut responden tersebut “lebih baik saya menggunakan bahasa Kebangsaan kerana bahasa kebangsaan melambangkan pemodenan secara amnya. Tambahan pula, adalah wajar bahasa Rungus kurang digunakan kerana terdapat rakan saya yang gemar memperlekehkan Rungus dengan mengatakan etnik Rungus adalah etnik termiskin di Malaysia”.

Terdapat juga keadaan di mana seseorang itu boleh menggunakan bahasa ibundanya dengan baik tetapi mereka menggunakan bahasa ibundanya dalam konteks mencemari ketulinannya. Pencemaran bahasa yang dimaksudkan ialah tindakan mereka mengubahsuai perkataan asli berkenaan kepada suatu perkataan yang baru. Antara perkataan baru yang dianggap tidak sesuai untuk terus digunakan ialah *maitu*, *it tadi* dan lain-lain lagi. Sekiranya perkara ini terus dibiarkan maka sudah pasti pada masa yang akan datang tidak akan wujud lagi bahasa Rungus yang asli atau sekurang-kurangnya masih menggambarkan identiti etnik Rungus itu sendiri.

Walau pun masih terdapat generasi baru yang mahir menggunakan bahasa ibunda mereka tetapi keadaan ini adakah akan terus wujud sekiranya individu yang lain dari etnik Rungus itu sendiri tidak menghiraukan usaha mengekalkan bahasa ibunda mereka sendiri. Sekalipun pada masa kini lahirnya beberapa penulis prolific serta artis berbangsa Rungus yang berusaha menggunakan suku kata dari bahasa Rungus dalam penulisan atau karya seni mereka seperti Raymond Majumah, Masdin Metol dan Steven Solungad, namun ini bukanlah boleh dianggap sebagai sudah memadai. Perlu juga dilakukan pelbagai usaha yang bertujuan mengelakkan masalah yang lebih kritikal berlaku kerana jika bahasa Rungus hilang di bumi Sabah maka ini pastinya mengundang kekesalan yang tidak mungkin berkesudahan.

Dalam hal ini, adalah wajar sekiranya pelbagai pihak, sebagaimana yang disarankan oleh Jane [12] mengambil langkah yang tepat bagi menangani masalah ini seperti menyeru pelbagai pihak yang menyuarakan keinginan yang hanya “retorik” itu ditolak ke tepi dalam era pasca-modern ini kerana sesuatu itu tidak mungkin akan berubah tanpa adanya tindakan sewajarnya. Hentikanlah berretorik semata-mata tanpa melakukan sebarang usaha yang dianggap wajar dilaksanakan.

4.3 Faktor Penyebab Kelesuan Penguasaan Bahasa Ibunda (Rungus)

Berdasarkan analisis data yang dilakukan yang mana melalui Bahagian C (dalam borang soal-selidik), responden dikehendaki memilih faktor penting yang menjadi penyebab kepada tahap penguasaan bahasa ibunda mereka yang lemah maka berikut adalah susunan faktor yang diperolehi (rujuk Jadual 3).

Jadual 3
Faktor Penyebab Kelesuan Penggunaan Bahasa Ibunda (Rungus)

Faktor	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Penggunaan BM/BI yang meluas	50	41.7
Persepsi Negatif Budaya Sendiri	24	20.0
Perkahwinan Campur dan Peranan i/bapa	16	13.3
Migrasi	12	10.0
Peranan Rakan Sebaya	10	8.3
Lain-Lain Faktor	8	6.7

4.3.1 Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang semakin meluas

Didapati bahawa seramai 50 orang responden (41.7%) bersetuju bahawa faktor utama penguasaan bahasa Rungus yang lemah di kalangan generasi baru etnik Rungus itu, sebagaimana menurut Jane [13] ialah faktor penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang semakin meluas. Ini bermakna, sememangnya pengaruh bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris ke atas perkembangan bahasa Ibunda (Rungus) di Sabah amatlah ketara. Hakikatnya, selepas tahun 1967 menurut Atan Long [14] bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi negara dan bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua dalam sistem pendidikan negara. Hal ini dilakukan bagi tujuan keseragaman sistem pendidikan negara yang menuntut kepada pengujudan sebuah negara yang bersatu padu dan serba membangun.

Namun demikian keadaan ini akhirnya menyebabkan sebahagian bahasa pribumi di Sabah semakin terpinggir. Sekalipun terdapatnya usaha memperkenalkan mata pelajaran bahasa KadazanDusun di institusi-institusi pendidikan bantuan kerajaan tetapi perkara ini masih tidak memadai. Tambahan pula matapelajaran tersebut masih tidak boleh dianggap sebagai baik kerana terdapatnya unsur-unsur mencampuradukkan bahasa Kadazan, Dusun dan bahasa lain dalam matapelajaran tersebut. Tindakan mencampuradukkan seumpama ini sudah pasti akan mengelirukan para pelajar dan semakin tidak dapat memahami bahasa sendiri. Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa sememangnya pemodenan sebagaimana yang diharapkan menjadikan bahasa Rungus semakin terpinggir.

Adalah diakui bahawa matlamat kerajaan untuk berbuat demikian adalah baik tetapi kesan negatif terhadap bahasa pribumi Sabah semestinya berlaku. Seperti yang ditegaskan oleh responden yang ditemuduga “penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang meluas sememangnya memberi kesan kepada survival kebanyakan bahasa pribumi di Sabah”.

4.3.2 Persepsi negatif terhadap budaya sendiri

Analisis data kajian yang diperolehi juga menunjukkan seramai 24 orang responden (20%) bersetuju bahawa faktor persepsi negatif terhadap budaya sendiri menjadi penyebab kepada masalah kelesuan penggunaan Bahasa Rungus di kalangan generasi baru etnik Rungus itu sendiri. Dalam hal ini, terdapat juga generasi baru etnik Rungus yang mempunyai pandangan negatif tentang bahasa ibunda mereka. Mereka adakalanya mengatakan bahawa sekiranya mereka terus kekal menguasai bahasa itu maka proses kemajuan yang mereka inginkan akan terbantut. Ini kerana menurut responden yang ditemuduga “tidak terdapat bahan bacaan yang ditulis dalam bahasa Rungus”. Oleh itu, menurutnya “apa gunanya bahasa itu terus digunakan”.

Ini merupakan persepsi yang menggambarkan tentang lemahnya *patriotism* mereka kepada etnik mereka sendiri. Walhal pada era pasca-modern ini, terdapatnya ramai pemikir Rungus yang sedang giat memperkenalkan budaya Rungus itu seperti Raymond Mojumah dan Parasin Bongkol. Mereka

bukan sahaja cuba mengetengahkan sejarah etnik mereka tetapi juga cuba mengajak etnik Rungus keseluruhannya berusaha mengekalkan budaya tradisi mereka sendiri samaada ia dilakukan secara langsung mahupun sebaliknya. Rasa cinta terhadap bahasa Rungus itu lah yang kita inginkan untuk terus wujud di kalangan generasi bagu. Mereka tidak malu untuk mengakui diri mereka sebagai individu dari etnik Rungus yang berbudaya unik dan kaya dengan adat resam yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang seterusnya. Justeru itu, persoalan adakah masih akan wujud golongan yang mencintai bahasa Rungus pada masa yang akan datang lantaran adanya sikap negatif di kalangan etnik Rungus itu sendiri atau adakah pada masa yang akan datang nanti bahasa Rungus mampu bertahan dan terus digunakan oleh kaum Rungus itu sendiri wajar dijawab. Persoalan seumpama dicadangkan supaya dilakukan kajian lanjut oleh para pengkaji dan bijak pandai.

4.3.3 *Perkahwinan campur dan peranan ibu bapa*

Faktor lain yang diperolehi ialah faktor perkahwinan campur dan peranan ibu bapa. Dalam hal ini, 13.3 peratus (16 orang) daripada responden bersetuju bahawa perkahwinan campur dan peranan ibu bapa memainkan peranan penting dalam proses wujudnya fenomena kelesuan penggunaan bahasa Rungus di kalangan generasi baru kaum Rungus itu sendiri. Perkahwinan campur dalam perbincangan ini merujuk kepada penyatuan antara dua individu yang berasal dari dua kaum yang berbeza atau dua budaya yang berbeza. Misalnya perkahwinan antara lelaki Rungus dan wanita Cina, Melayu, Dusun, Kadazan, Iban, India dan juga sebaliknya. Sememangnya perkahwinan seumpama ini bukanlah sesuatu yang dihalang malahan merupakan suatu yang amat digalakkan memandangkan ia menjadi antara pencetus kepada perpaduan yang hakiki. Namun demikian apa yang terjadi apabila perkahwinan campur berlaku antara dua insan yang tidak mempunyai keinginan untuk mengekalkan bahasa masing-masing adalah amat menyedihkan. Sikap seumpama ini amatlah merugikan dan ini sepatutnya perlu dirasai oleh mereka yang terlibat atau sekurang-kurangnya mereka rasa bersalah untuk tidak cuba menerapkan keinginan anak-anak mereka menguasai pelbagai bahasa. Dalam hal ini, terdapat situasi di mana bahasa ibunda mereka dijadikan bahasa yang asing pula dan mereka mengambil jalan pintas untuk menggunakan bahasa perantaraan yang bukannya menggunakan salah satu daripada bahasa ibunda mereka sebagai bahasa kegunaan harian mereka. Mereka tidak cuba menyedarkan anak-anak mereka untuk memahami bahasa mereka yakni bagi membolehkan komunikasi mereka di rumah. Responden kajian ini berpendapat bahawa “bukankah sekurang-kurangnya bahasa ibunda mereka diajar sekali seminggu atau lebih kerap dari itu lebih baik dari terus mengenyepkannya”.

Seperti yang dinyatakan, perkahwinan campur itu sebenarnya merupakan satu perkara yang wajar berlaku sebagai cerminan perpaduan antara pelbagai kaum di Malaysia. Malahan sekiranya perkahwinan campur ini dijadikan asas kepada usaha memperkayakan lagi bahasa mereka maka ini akan menyemarakkan lagi transformasi masyarakat Malaysia ke arah suatu masyarakat yang lebih maju tetapi dalam masa yang sama tidak melupai asal usul mereka. Dalam erti kata yang lain masih lagi memelihara bahasa ibunda mereka. Tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah wujudnya keadaan di mana kedua-dua individu berkaitan merupakan golongan terpelajar tetapi tidak cuba memahami kepentingan memelihara sejarah bangsa mereka. Sekiranya benar golongan seumpama ini boleh menggunakan keupayaan minda mereka untuk mendefinisikan makna pembangunan itu dalam ertikata yang sebenarnya maka sudah pastinya mereka tidak memandang remeh kepada kemungkinan hilangnya bahasa sesuatu kaum itu.

Faktor ini seterusnya harus dilihat sebagai suatu faktor yang mampu menjadikan bahasa Rungus itu berkembang dan bukannya suatu faktor yang boleh menjadikan bahasa Rungus pupus begitu sahaja. Kesedaran tentang pentingnya perkahwinan campur yang mana ia boleh memperbanyakkan

lagi penutur bahasa Rungus perlu ada di kalangan masyarakat Rungus yang cintakan bahasa ibunda. Tidakkah wajar sekiranya pandangan kita tentang kesan perkahwinan campur ke atas Bahasa Rungus itu bersifat negatif semata-mata. Dalam erti kata yang lain wajarlah kita jadikan faktor perkahwinan campur ini sebagai kaedah baru memperkuat lagi tapak bahasa Rungus di era pasca-modern ini. Adalah wajar sekiranya faktor ini menjadi suatu yang boleh menyebabkan penguasaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus itu sendiri semakin kukuh dan berkembang dan bukannya semakin lemah lantaran pemahaman yang tidak wajar terhadap kepentingan mengekalkan bahasa Rungus itu.

4.3.4 Migrasi

Migrasi juga didapati sebagai antara faktor penting yang menyebabkan generasi baru Rungus kurang menggunakan Bahasa Rungus. Ini kerana didapati bahawa sejumlah 10 % (12 orang) daripada responden bersetuju bahawa faktor migrasi mempengaruhi baik atau lemahnya penguasaan bahasa ibunda mereka. Justeru itu, faktor migrasi boleh dijadikan antara faktor penting yang menyebabkan lemahnya penguasaan Bahasa Rungus di kalangan generasi baru kaum Rungus itu sendiri. Dalam hal ini migrasi merujuk kepada perpindahan seseorang individu mahupun keluarga ke suatu tempat di luar daripada lingkungan kawasan tempat tinggal asal yang menggunakan bahasa perantaraan yang lain. Migrasi biasanya berlaku akibat daripada desakan ekonomi dan sosial. Perpindahan tempat tinggal yang dimaksudkan pula biasanya berlaku dalam tempoh masa yang agak lama iaitu melebihi satu tahun. Tempoh masa seumpama ini sesungguhnya menyebabkan individu terlibat semakin terlupa untuk mengekalkan penggunaan dan terus menguasai bahasa ibunda mereka. Ini terbukti apabila responden yang ditemuduga menegaskan bahawa “seseorang yang telah lama berada jauh dari tempat asalnya akan berkemungkinan melupai bahasa ibundanya”.

4.3.5 Peranan rakan sebaya

Didapati juga bahawa 8.3 % (10 orang) daripada responden bersetuju bahawa peranan rakan sebaya juga penting dalam proses menjadikan mereka lemah dalam penggunaan bahasa ibunda mereka. Ini kerana mereka semakin terdedah dengan rakan-rakan yang datangnya dari pelbagai kaum yang tidak memahami bahasa ibunda mereka. Ini mendorong mereka menggunakan bahasa perantaraan bagi memudahkan komunikasi mereka. Namun demikian, memandangkan responden kajian hanyalah tertumpu kepada para penduduk setempat yakni penduduk dari etnik Rungus di Matunggong maka peranan rakan sebaya didapati sebagai hanya faktor sampingan. Dalam erti kata yang lain, rakan sebaya bukanlah faktor yang harus dijadikan alasan utama bagi berlakunya masalah penguasaan bahasa Rungus yang lemah di kalangan generasi muda kini. Walau bagaimanapun perkara ini masih wajar diberikan perhatian seterusnya dicegah daripada suatu hari nanti akan menjadi penyumbang masalah yang ketara dan utama. Sebagaimana menurut remaja yang ditemuduga “peranan rakan sebaya terhadap minat penggunaan bahasa ibunda juga perlu diberi perhatian”.

4.3.6 Lain-lain faktor

Selain itu, terdapat juga responden (6.7% atau 8 orang) yang bersetuju bahawa faktor lain seperti faktor globalisasi ekonomi, faktor politik dan faktor ketiadaan jati diri generasi baru sebagai faktor penyebab kepada kelesuan penggunaan bahasa ibunda (Rungus) di kalangan generasi baru etnik itu sendiri. Dalam hal ini, remaja yang telah ditemuduga menegaskan bahawa “faktor lain seperti globalisasi, persaingan politik dan ketiadaan jati diri amat menyumbang kepada kurangnya minat

dalam kalangan remaja etnik Rungus untuk berbahasa atau menggunakan bahasa Rungus sebagai bahasa pertuturan utama mereka”.

5. Kesan Peminggiran Bahasa Ibunda

Berdasarkan dapatan kajian maka beberapa kesan negatif yang sudah pastinya berlaku apabila generasi baru masyarakat Rungus melupai bahasanya sendiri telah dikenalpasti. Kesan negatif yang dimaksudkan adalah terbahagi kepada dua kategori iaitu kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang. Keduanya dibincangkan dalam sub-tajuk yang berikutnya untuk memberikan gambaran jelas tentang pentingnya memelihara bahasa Rungus atau dalam erti kata yang lain mengelakkan bahasa ini daripada pupus pada masa yang akan datang.

5.1 Kesan jangka pendek

Kesan jangka pendek merujuk kepada kesan terhadap norma kehidupan etnik Rungus itu sendiri pada satu tempoh masa yang tidak melebihi satu tahun. Ini bermakna dalam kajian ini kesan jangka pendek meliputi masalah-masalah yang bakal wujud dalam tempoh masa setahun atau tidak lebih dari satu tahun sekiranya fenomena kelesuan penggunaan bahasa Rungus di kalangan masyarakat Rungus itu sendiri dibiarkan. Kesan jangka pendek yang amat ketara yang dianggap perlu ditangani ialah ketidaksampaian matlamat komunikasi dua hala.

Komunikasi dua hala yang dimaksudkan ialah komunikasi di antara golongan generasi baru dengan golongan tua atau dewasa yang biasanya kurang memahami bahasa asing berbanding bahasa ibundanya. Keadaan ini berkemungkinan akan menyebabkan maklumat atau informasi yang cuba diketengahkan tidak dapat difahami oleh pihak yang lain berikutan ketiadaan pemahaman bahasa antara kedua pihak. Sebagai contoh, apabila seorang kanak-kanak yang tidak dapat atau tidak boleh berbahasa Rungus berkomunikasi dengan seseorang yang sudah berumur atau tua dan tidak memahami bahasa lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris maka maklumat yang cuba disampaikan tidak berjaya. Ini bolehlah disamakan dengan komunikasi di antara sang itik dengan sang ayam yang mana walaupun keduanya merupakan haiwan dari keluarga burung namun mempunyai bentuk komunikasi yang berbeza. Oleh itu adalah sukar memahami antara satu dengan yang lain.

Keadaan seumpama ini sudah pasti amat merugikan berikutan masa dan tenaga yang digunakan untuk menyampaikan maklumat berkenaan tidak mendatangkan hasil. Oleh itu, perlulah ditegaskan bahawa kegagalan generasi baru menguasai bahasa ibunda mereka sendiri tidak akan mendatangkan keuntungan tetapi mendatangkan kerugian semata-mata.

5.2 Kesan jangka panjang

Dalam konteks kesan jangka masa panjang fenomena kelesuan penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi muda etnik Rungus pula merujuk kepada kesan yang boleh dikenalpasti dalam tempoh lebih dari setahun. Ringkasnya, kesan jangka panjang boleh dikesan hanya selepas lebih dari satu tahun dari suatu tempoh tertentu dan tahun-tahun yang seterusnya dari tahun tersebut. Kesan penting yang boleh berlaku pada jangka masa tersebut ialah penghinaan kaum oleh masyarakat luar terhadap norma etnik Rungus yang gagal menguasai bahasa sendiri. Penghinaan ini berlaku berikutan berkemungkinan adanya tuduhan kaum lain kepada etnik Rungus itu sendiri sebagai tidak mampu bertindak secara bijaksana dalam usaha memelihara bahasa sendiri. Berkemungkinan mereka menuduh generasi baru etnik Rungus sebagai kurang bijak kerana hanya berupaya memahami bahasa-bahasa lain tetapi tidak bagi bahasa ibunda mereka.

Selain itu, sekiranya sesuatu bahasa itu hilang atau tidak lagi digunakan maka sesuatu bangsa itu sudah pastinya boleh dianggap sebagai sudah tidak wujud secara aslinya lagi. Ini kerana, suatu bahasa itu sebenarnya melambangkan wujudnya sesuatu bangsa memandangkan bahasa mampu memperkenalkan identiti sebenar sesuatu bangsa itu. Berikutan dengan itu maka variasi bahasa di Sabah yang semestinya perlu dibanggakan akan terhapus. Dalam masa yang sama ini akan menyebabkan sektor pelancongan tempatan yang mendatangkan keuntungan kepada negara akan semakin hilang daya tarikannya. Ini sudah semestinya merugikan negara dari segi ekonomiknya.

Dalam jangka masa yang panjang juga fenomena kelesuan penggunaan bahasa Rungus dalam kalangan generasi baru etnik Rungus juga akan menyebabkan pengenalan individu berdasarkan bahasa yang digunakan hilang. Ini berlaku kerana tiada lagi pengguna bahasa Rungus sedangkan yang menggunakannya atau sedang berkomunikasi itu adalah berlatar belakangkan etnik Rungus. Selakipun dokumentasi sijil lahir tetap mencatat bahawa individu berkenaan sebagai berbangsa Rungus tetapi hal ini tidak akan kelihatan. Apa yang biasanya mudah dikesan oleh orang lain ialah melalui penggunaan sesuatu bahasa itu. Justeru, penggunaan bahasa Rungus yang menjadi pengenalan identiti sebenar seseorang itu berkemungkinan besar akan terhapus.

Dalam jangka masa yang panjang juga penggunaan bahasa Rungus yang semakin tidak menggalakkan akan menyebabkan wujudnya kelompok masyarakat yang menggunakan bahasa Rungus yang tidak baik. Begitu juga penggunaan bahasa lain yang biasanya tidak mencapai tahap sempurna ekoran pengajaran dan pembelajaran yang tidak memadai. Kelompok masyarakat ini mencampuradukkan bahasa ibunda mereka dengan bahasa-bahasa lain yang biasa mereka gunakan. Ini akhirnya menyumbang kepada terhasilnya bahasa baru yang tidak dapat diklasifikasikan sebagai baik atau moden kerana ia mungkin hanya sesuai digunakan oleh kelompok masyarakat itu sahaja.

Oleh itu, secara ringkasnya bolehlah dikatakan bahawa adalah perlu sesuatu kaum itu mengambil daya usaha masing-masing untuk terus memartabatkan bahasa mereka. Ini bagi mengelakkan pelbagai masalah yang tidak diingini daripada berlaku dan dalam masa yang sama penyesalan yang mungkin akan berlaku tidak menjadi kenyataan pada masa hadapan.

6. Cadangan Mengelakkan Kepupusan Bahasa Ibunda

Bertolak dari fenomena yang dikenalpasti sebagai semakin kritikal ini maka adalah dicadangkan beberapa susulan tindakan yang bertujuan membendung masalah ini dari terus berlaku. Cadangan bagi tujuan mengelakkan berlakunya kepupusan bahasa Rungus atau secara spesifiknya mengelakkan peningkatan masalah ketidakprihatinan masyarakat Rungus terhadap pentingnya pemeliharaan bahasa Rungus itu adalah seperti berikut:

- i. Memperbanyakkan usaha dokumentasi samada secara elektronik mahupun secara bercetak lagu-lagu tradisi, cerita-cerita tradisi, perfileman atau penerbitan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Rungus (sebagaimana yang dilakukan oleh Parasin Bongkol). Kamus-kamus dalam bahasa Rungus yang ada juga haruslah diperbaiki mutunya. Ini boleh dilakukan sekiranya para cendekiawan/pemikir berbangsa Rungus, para pemimpin berbangsa Rungus, badan-badan berkaitan dan lain-lain pihak bekerjasama dalam usaha mencari atau menyumbang dana bagi tujuan penerbitan bahan bacaan atau bahan tontonan atau bahan pandang dengan dalam bahasa Rungus.
- ii. Mengujudkan sudut Bahasa Ibunda di setiap perpustakaan yang mana ruang in antara lain menempatkan bahan bacaan dalam bahasa Rungus. Sudut bahasa ibunda ini nanti boleh digunakan oleh pelbagai pihak untuk tujuan menambah pengetahuan dan pemahaman tentang Rungus dan bahasanya.

- iii. SAMORA (Sabah Momogun Rungus Association) sebagai persatuan yang ditubuhkan khas untuk memperjuangkan nasib etnik Rungus dan juga budaya Rungus wajar mempertingkatkan penyertaannya dalam usaha memelihara budaya Rungus itu khususnya bahasa Rungus. Adalah wajar pertubuhan ini tidak membataskan penglibatan mereka dalam acara-acara yang bersifat besar-besaran sahaja. Antara lain pertubuhan ini juga perlu mamantau penggunaan bahasa Rungus di mana sahaja seperti penggunaan ejaan Rungus yang salah di beberapa papan tanda (eg. Gambizou perlu dieja menjadi Gombizou atau Pomosukan perlu dieja menjadi Pomonsukan).
- iv. Menambah slot ruangan Bahasa Rungus di Radio seperti bahasa-bahasa yang lain (eg. Kadazan, Bajau, Dusun, Murut) yang pada masa kini sudah pun mempunyai ruangan seumpama ini dan bersiaran lebih kerap. Perlu dijelaskan bahawa bahasa Rungus itu bukanlah bahasa Dusun atau bahasa Kadazan. Sekalipun terdapatnya persamaan dari segi sebutan atau ejaan dalam beberapa suku kata yang berkaitan namun itu tidaklah menunjukkan bahawa bahasa Rungus itu sebagai bahasa Dusun atau bahasa Kadazan.
- v. Memperbaiki mata pelajaran Bahasa KadazanDusun yang diperkenalkan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan pada masa kini. Adalah perlu dipastikan tindakan mencampuradukkan pelbagai bahasa etnik pribumi Sabah dapat dikurangkan. Ini bagi membolehkan para pelajar/generasi baru tidak keliru dengan matapelajaran berkenaan. Antara kaedah yang boleh dilaksanakan ialah dengan mengujudkan bahagian atau buku khusus yang ditulis dalam versi bahasa Rungus yang asli.
- vi. Melakukan pelbagai usaha bagi memastikan golongan ibu bapa menyedari kepentingan memelihara budaya sendiri khususnya pengekalan bahasa Rungus dalam kalangan etnik atau masyarakat Rungus itu sendiri. Ini secara langsung mampu mendatangkan keuntungan secara tidak langsung apabila variasi bahasa dijadikan asas tarikan pelancongan.

7. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan daripada hasil kajian dan perbincangan tentang kelesuan penggunaan bahasa Rungus di kalangan generasi muda etnik Rungus itu sendiri di Matunggong, Sabah maka perlu ditegaskan bahawa fenomena semasa ini mempunyai kemungkinan besar akan semakin kritikal. Ini berikutan sikap generasi baru yang semakin tidak berminat untuk menguasai bahasa ibunda mereka sendiri. Mereka semakin terikut-ikut dengan persepsi segelintir manusia yang mengatakan bahawa adalah tidak mengejar pemodenan atau juga tidak bijak sekiranya seseorang itu mengekalkan bahasa ibunda mereka. Mereka perlu memahami bahawa sejarah manusia atau khususnya sejarah etnik mereka sendiri berkembang dari asas bahasa yang kukuh.

Tambahan pula terdapatnya segelintir golongan ibu bapa yang memandang remeh terhadap pentingnya pengekalan bahasa ibunda itu sendiri. Paling tidak pun sekiranya bahasa ibunda (bahasa Rungus) itu masih wujud pada masa yang akan datang, generasi yang makin tidak mengenal sejarah suku kaum mereka akan masih dapat mendengar variasi bahasa di negeri Sabah. Variasi ini adalah lambang kepada perpaduan di Sabah yang mana sering dikatakan bahawa sekalipun terdapatnya sekian banyak bahasa dan budaya namun keharmonian tetap wujud.

Bertolak dari itu juga maka adalah wajar sekiranya dilakukan pelbagai usaha untuk memastikan bahasa Rungus masih wujud pada suatu masa yang akan datang. Memperkenalkan matapelajaran KadazanDusun di sekolah sahaja bukanlah suatu yang boleh menjamin kelangsungan bahasa Rungus di muka bumi ini. Ini kerana faktor sikap dan peranan yang wajar dimainkan oleh etnik Rungus itu sendiri adalah pendokong utama kepada aspirasi mengekalkan Bahasa Rungus itu. Adalah dipercayai bahawa dengan adanya kerjasama dari pelbagai pihak yang mana ini diterajui oleh etnik Rungus itu sendiri maka impian yang murni ini pasti tercapai.

Diharapkan juga agar aspirasi ini akan membawa kepada pemantapan proses pemajuan negara Malaysia yang masih mengekalkan khazanah aslinya. Ini boleh berlaku apabila variasi bahasa pribumi dijadikan jenama negara. Jenama yang dimaksudkan merujuk kepada bahasa yang pelbagai sebagai lambang kepada perpaduan yang wujud di negara ini. Walaupun wujudnya isu berkaitan hubungan etnik yang kurang menyenangkan sebagaimana yang berlaku di Selangor dan Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969, itu tidak bermakna usaha mengekalkan kepelbagaian tidak boleh dilakukan. Malahan dengan adanya variasi bahasa yang masih terpelihara kelak sudah pasti antara industri negara yang akan mendapat manfaat ialah industri pelancongan. Perkara ini seterusnya menjamin matlamat menjadi antara negara maju dalam masa yang akan datang.

Akhir kata, bahasa menunjukkan identiti sesuatu kaum dan tanpa bahasa maka hilanglah sesuatu kaum itu. Oleh itu, segala daya usaha hendaklah digerakkan bagi tujuan murni iaitu untuk terus memartabatkan bahasa ibunda pribumi yakni bahasa Rungus di Matunggong, Sabah, Malaysia.

Rujukan

- [1] Appell, George N. "Modernization and the Emergence of a Landless Peasantry: Essays on the Integration of Peripheries to Socioeconomic Centers. Studies in Third World Societies Publication No. 33." (1985).
- [2] Pugh-Kitingan, Jacqueline. *Cultural development in Sabah 1963-1988*. 1989.
- [3] Burch, D., R.E. Rickson, dan R. Annels. Contract Farming, Social Change and Environmental Impacts: The Implications of the Australian experience. Dalam K. Walker and P. Tighe (eds.). *Environmental Issues and Public Policy*. University of New South Wales Press, Sydney, 1992: 12-30.
- [4] Cancian, Francesca. "Functional analysis of change." *American Sociological Review* (1960): 818-827.
- [5] Carleheden, M. dan M.H. Jacobson. *The Transformation of Modernity: Aspects of the Past, Present and Future of an Era*. Ashgate Publishing Company, England, 2001.
- [6] Sallabank, Julia. "Language Endangerment: Problems and Solutions." *Source: eSharp, Special Issue: Communicating Change: Representing Self and Community in a Technological World* (2010): 50-58.
- [7] Parasin Bongkol. *Usul do Minamangun om Kopezison do Momogun om Vokon Po*. Yayasan Bahasa KadazanDusun, Kota Kinabalu, 2003.
- [8] Thien, D. Rungus young are also losing mother tongue. *Daily Express*, 2018; 7.
- [9] Gay, L.R. dan A. Peter. *Educational research competencies for analysis and applications* (7th edition). Merrill Prentice Hall, New Jersey, 2003.
- [10] Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Romzi Ationg, dan Nurul Ain Zulhaimi. A paradigm shift in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Science* 9, no. 1. 2017: 46-56.
- [11] Rashidi, M. Nor, R. Ara Begum, M. Mokhtar, and J. J. Pereira. "The Conduct of Structured Interviews as Research Implementation Method." *Journal of Advanced Research Design* 1, no. 1 (2014): 28-34.
- [12] Jane Wong Kon Ling. Language preservation and revitalization: The role of Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, vol. 11, 2005.
- [13] Wong, Jane Kon Ling. "Sabah Malay dialect: Phonological differentiation in social context." PhD diss., Jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 2012.
- [14] Atan Long. *Psikologi Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.